

# RazakSAT-2 bukti kemampuan negara

Kosmo 27/12/15 Ms 14

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR dan NURUL ANUAR KARI  
berita@kosmo.com.my

**MALAYSIA** terus membuktikan kemampuan dalam bidang teknologi angkasa melalui pembangunan projek RazakSAT-2 yang akan dimulakan pada tahun 2015 dengan peruntukan keseluruhan termasuk infrastruktur bumi sebanyak RM271.9 juta.

Satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi itu dijangka disiapkan dalam tempoh 30 bulan sebelum dilancarkan kelak.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad (gambar kecil) berkata, RazakSAT-2 merupakan kesinambungan daripada usaha kerajaan bagi memperkasakan keupayaan negara dalam pembangunan teknologi satelit.

“Oleh itu, harapan utama saya agar ia menjadi satu permulaan besar kepada pelaksanaan polisi-polisi yang berkaitan angkasa di negara

ini. Projek ini sekali gus akan membuktikan bagaimana teknologi angkasa dapat memberi manfaat kepada rakyat,” kata Noordin ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah beliau, dengan memiliki satelit sendiri, negara sudah boleh terlibat dengan penggunaan dan aktiviti yang mengelilingi bumi setiap hari.

“Satelit bukan sahaja digunakan untuk tujuan teknikal seperti pencerapan imej untuk pertanian dan pemetaan infrastruktur malah ia juga boleh menjadi penghubung dalam membina diplomasi.

“Antaranya ialah penggunaannya untuk bersama negara lain dalam pengurusan bencana, kajian saintifik dan perkongsian maklumat. Ia membawa status tersendiri dan memberi gambaran akan kekukuhan kedaulatan negara di samping membantu meletakkan negara ke arah negara maju menjelang tahun 2020,” tegasnya.

RazakSAT-2 adalah satelit ketiga negara yang akan dilancarkan selepas kejayaan membangunkan satelit pertama negara, TiungSAT-1 yang dilancarkan ke orbit pada tahun 2000 dan RazakSAT pada tahun 2009.

“Dalam tempoh 10 tahun akan datang, Angkasa mempunyai visi untuk menjadikan sektor angkasa sebagai penyumbang strategik ke-aulatan dan ekonomi negara.

“Sementara itu, misi kami pula adalah untuk membangunkan potensi negara dalam sektor angkasa bagi menyokong pembangunan ekonomi baharu, membuka lebih banyak peluang dan menguruskan risiko,” katanya.

RazakSAT-2 boleh memberikan imej beresolusi tinggi kepada pengguna dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Skop teknologi pembangunan RazakSAT-2 adalah termasuk menaik taraf keupayaan sistem, terutamanya dari segi perisian dan peralatan stesen bumi.

Angkasa merupakan satu jabatan yang terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.



SATELIT RazakSAT



SATELIT RazakSAT menjadi kebanggaan negara apabila dilancarkan pada 14 Julai 2009.

## INFO RazakSAT-2

- Merupakan satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi.
- Ia sejenis satelit 'remote sensing' yang boleh memberikan imej beresolusi tinggi.
- Projek ini adalah kesinambungan daripada program pembangunan satelit RazakSAT yang telah dilancarkan ke orbit pada tahun 2009.
- Melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bernilai RM271.9 juta.
- Mengambil masa 30 bulan untuk disiapkan.
- Dijangka dilancarkan ke orbit pada tahun 2017.

Tumpuan 2015



NOORDIN